

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PANDUAN  
PELAKSANAAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA  
MELALUI KAEDAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU  
(PPT)**

**EDISI KE-2, 2021**

# KANDUNGAN

<b>Bab</b>	<b>Senarai kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
	<b>Tafsiran</b>	iii
	<b>Senarai singkatan</b>	vi
	<b>Senarai Jadual</b>	viii
<b>1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Tujuan	1
1.2	Latar belakang	1
1.3	Pengenalan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT	1
<b>2.0</b>	<b>SYARAT DAN PROSEDUR PERMOHONAN</b>	
2.1	Permohonan Sebagai Calon PPT	4
2.2	Prosedur Permohonan Sebagai Calon PPT	6
2.3	Kadar Bayaran Permohonan Sebagai Calon PPT	9
2.4	Permohonan Kelulusan Melaksanakan PPT di Pusat Bertauliah (PB-PPT)	9
2.5	Pelaksanaan Pra-Pendaftaran Calon PB-PPT	12
2.6	Pendaftaran Calon PB-PPT	12
2.7	Permohonan Kelulusan Sebagai Pusat Penilaian Amali (PPA-PPT)	12
<b>3.0</b>	<b>PELAKSANAAN KAUNSELING DAN PENILAIAN</b>	
3.1	Tempoh Maksimum Penilaian Keterampilan	15
3.2	Kaedah Penilaian Keterampilan	16
3.3	Pembangunan Portfolio	16
3.4	Pembangunan LPKT	19
3.5	Lokasi Sesi Kaunseling dan Penilaian	23
3.6	Peranan dan Tanggungjawab Personel Terlibat	23
<b>4.0</b>	<b>PELAKSANAAN SESI VERIFIKASI</b>	
4.1	Skop Verifikasi	27
4.2	Peranan dan Tanggungjawab PPL	28
4.3	Verifikasi Penilaian Portfolio	28
4.4	Verifikasi Penilaian Amali	29
4.5	Verifikasi Program Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	33
4.6	Verifikasi Penilaian LPKT Bagi Program DKM/ DLKM	33
<b>5.0</b>	<b>PENSIJILAN</b>	
5.1	Syarat Penganugerahan Persijilan	35
5.2	Persijilan Penuh	36
5.3	Persijilan Modular	36
<b>6.0</b>	<b>TUNTUTAN</b>	
6.1	Tuntutan Personel PPT	38
6.2	Tuntutan PB-PPT	39
<b>7.0</b>	<b>PERKARA YANG DILARANG</b>	
7.1	Calon	41
7.2	PP-PPT	41
7.3	PPL-PPT	42

<b>8.0</b>	<b>KAWALAN KUALITI</b>	
8.1	Lawatan Pemantauan	44
8.2	Lawatan Pemeriksaan	44
8.3	Penguatkuasaan dan Penyiasatan	44
	<b>Tempoh Peralihan</b>	45
	<b>Penutup</b>	45
	<b>Senarai Lampiran</b>	46

## TAFSIRAN

**Analisis jurang kompetensi** - proses yang dilaksanakan bagi mengenal pasti jurang kompetensi yang terdapat di antara bukti keterampilan yang dimiliki oleh calon dengan NOSS.

**Calon** - mana-mana individu yang mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk mendapatkan Sijil.

**Jurang kompetensi** - perbandingan di antara kompetensi yang perlu ada berbanding kompetensi yang dimiliki oleh individu.

**Kaunseling** - suatu proses membimbing dan membantu calon bagi mengenalpasti dan menyediakan bukti-bukti keterampilan berdasarkan pengalaman terdahulu yang dimiliki oleh calon.

**Keterampilan** - kecekapan atau kemampuan yang tinggi dalam melakukan sesuatu kerja atau perbuatan yang memenuhi keperluan NOSS.

**Kompetensi** - gabungan pengetahuan, kemahiran, tingkahlaku dan keselamatan yang diperlukan pada individu dalam usaha untuk melaksanakan kerja dengan jayanya dan efisien berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan dalam NOSS.

**Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)** - suatu dokumen bertulis (laporan) yang menjelaskan tugas/projek/pencapaian/ permasalahan yang telah dialami/dilalui/dilakukan oleh calon yang boleh membuktikan kekompetenan yang dimilikinya memenuhi keperluan NOSS dalam bidang berkaitan.

**Memplagiat** - perbuatan mencedok kata-kata, idea, dan lain-lain daripada karya orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri.

**Modular** - suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan pemilihan atau gabungan mana-mana Unit Kompetensi (*Competency Unit* – CU) di dalam Standard sehingga memperoleh tahap persijilan program.

**Pemohon** - mana-mana individu yang mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang berminat untuk mendapatkan Sijil.

**Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)** - satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki.

**Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT)** - merupakan personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menilai pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki oleh calon.

**Pegawai Pengesah Luaran-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)** - pakar atau personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, ditauliah dan dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk melaksanakan verifikasi terhadap penilaian yang dilakukan oleh PP-PPT.

**Penilaian** - suatu proses menyemak, menilai dan menentusahkan bukti-bukti keterampilan calon memenuhi keperluan NOSS termasuklah sesi kaunseling, lawatan tempat kerja dan temuduga.

**Penilaian Amali** - satu proses penilaian tanpa pembangunan portfolio yang meliputi elemen kemahiran, pengetahuan dan sikap/ keselamatan/ persekitaran mengikut keperluan NOSS yang dipohon.

**Pentauliahan** - suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran.

**Pensijilan** - proses perakuan kelayakkan bagi seseorang yang telah diakui kompeten dan memenuhi tahap kompetensi mengikut keperluan NOSS.

**Penyedia Latihan** - mana-mana pusat atau institusi yang menyediakan latihan yang dijadikan tempat bagi melaksanakan penilaian amali melalui kaedah PPT dengan kebenaran JPK.

**Persijilan Tahap Tunggal** - suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan kombinasi dua atau lebih program sehingga tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan program tersebut.

**Portfolio** - adalah dokumen yang mengandungi segala jenis bukti kompetensi secara tersusun dan sistematik mengikut keperluan setiap profil tugas di dalam NOSS berkenaan.

**Profil Kekompetenan Calon** - dokumen sokongan yang menunjukkan bukti keterampilan calon dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dalam bidang latihan kemahiran.

**Program** - mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam daftar NOSS.

**Pusat Penilaian Amali PPT (PPA-PPT)** - premis bagi melaksanakan penilaian amali melalui kaedah PPT yang terdiri daripada syarikat/ organisasi, persatuan/ pertubuhan dan penyedia latihan yang dibenarkan oleh JPK.

**Pusat Bertauliah PPT (PB-PPT)** - Pusat Bertauliah yang telah diberi kelulusan untuk menjalankan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT bagi program yang telah mendapat pentauliahan.

**Pusat Bertauliah (PB)** - Penyedia Latihan Kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu sijil secara Sistem Latihan Pusat Bertauliah (SLaPB) atau Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

**Standard** - Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

**Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / National Occupational Skill Standard (NOSS)** - satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

**Sijil** - kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta 652.

**Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)** - polisi, mekanisme NOSS dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

**Tempoh maksimum penilaian keterampilan** - tempoh maksimum yang dibenarkan bagi melaksanakan proses kaunseling dan penilaian hingga permohonan verifikasi di antara PP-PPT dan calon mengikut tahap persijilan yang dipohon.

**Temuduga** - salah satu (1) kaedah verifikasi untuk mengesahkan keterampilan calon melalui kaedah PPT yang dilaksanakan oleh PPL-PPT.

**Unit kompetensi** - satu fungsi kerja utama bagi sesuatu bidang pekerjaan. Setiap unit kompetensi mengandungi beberapa aktiviti/tugasan bagi melengkap fungsi kerja utama yang boleh dinilai dan dipersijilkan secara berasingan.

**Unit kompetensi Teras** - kompetensi umum/generik bagi sesuatu bidang pekerjaan berdasarkan keperluan industri yang menggambarkan kerja-kerja utama untuk sesuatu kerja tertentu.

**Unit kompetensi Elektif** - kompetensi khusus bagi sesuatu bidang pekerjaan yang menggambarkan keperluan spesifik bagi sesuatu industri/subsektor pengeluar.

**Verifikasi** - suatu proses dimana PPL-PPT menentusahkan penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT.

**WIM** - dokumen yang disediakan oleh pengajar untuk kegunaan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

## SENARAI SINGKATAN

<b>JPK</b>	Jabatan Pembangunan Kemahiran
<b>PPT</b>	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
<b>NOSS</b>	<i>National Occupational Skill Standard</i> (Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan – SKPK)
<b>WA</b>	<i>Work activity</i> (Aktiviti kerja)
<b>CU</b>	<i>Competency Unit</i> (Unit Kompetensi)
<b>CPC</b>	<i>Competency Profile Chart</i> (Carta Profil Kompetensi)
<b>JPC</b>	<i>Job Profile Chart</i> (Carta Profil Pekerjaan)
<b>SKM</b>	Sijil Kemahiran Malaysia
<b>DKM</b>	Diploma Kemahiran Malaysia
<b>DLKM</b>	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
<b>LPKT</b>	Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu
<b>PB</b>	Pusat Bertauliah
<b>PB-PPT</b>	Pusat Bertauliah – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
<b>PPA-PPT</b>	Pusat Penilaian Amali - Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
<b>PP-PPT</b>	Pegawai Penilai – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
<b>PPL-PPT</b>	Pegawai Pengesah Luaran – Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
<b>VTO</b>	<i>Vocational Training Operation</i>
<b>VTE</b>	<i>Vocational Training Executive</i>
<b>VTM</b>	<i>Vocational Training Manager</i>
<b>WIM</b>	<i>Written Instructional Materials</i>
<b>MT</b>	Mengikut Tahap
<b>ST</b>	<i>Single tier</i> (Persijilan Tahap Tunggal)
<b>PC</b>	Penyata Pencapaian
<b>TVET</b>	<i>Technical And Vocational Education Training</i>
<b>JIM</b>	Jabatan Imigresen Malaysia

<b>L.O</b>	<i>Local Order (Pesanan Kerajaan)</i>
<b>TNT</b>	Tuntutan Perjalanan Dalam Negara
<b>ISO</b>	<i>International Organization for Standardization</i>
<b>ROC / ROB</b>	<i>Registration of Company / Registration of Business</i>



## SENARAI JADUAL

<b>Nama Jadual</b>	<b>Mukasurat</b>
Jadual 1 : Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Dalam Bidang Berkaitan	5
Jadual 2 : Tahap Persijilan Yang Layak Dipohon	6
Jadual 3 : Status Kelayakan Berdasarkan Keputusan Analisis Jurang	6
Jadual 4 : Struktur Pelaksanaan PPT	7
Jadual 5 : Kriteria Personel Berkelayakan di PB-PPT	10
Jadual 6 : Kategori PPA-PPT dan Jenis Calon Yang Dibenarkan	13
Jadual 7 : Kaedah dan Tempoh Maksimum Penilaian Keterampilan	15
Jadual 8 : Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Kukuh	17
Jadual 9 : Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Sederhana	18
Jadual 10 : Senarai Bab di Dalam LPKT	19
Jadual 11 : Format Penulisan LPKT	22
Jadual 12 : Dokumen Bagi Laporan Verifikasi	27
Jadual 13 : Anggaran Kadar Bahan Penilaian (Maksimum)	30
Jadual 14 : Kriteria Penilaian dan Peratusan Markah Terampil	30
Jadual 15 : Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi SKM Tahap 1-3	31
Jadual 16 : Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi DKM atau DLKM	31
Jadual 17 : Skop Penilaian Mengikut Jenis Permohonan	31
Jadual 18 : Peratusan Markah Penilaian LPKT Mengikut Komponen Penilaian	34
Jadual 19 : Syarat Penganugerahan Persijilan	35
Jadual 20 : Kelayakan Tuntutan PB-PPT	40

### **1.1 TUJUAN**

Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bertujuan menetapkan peraturan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT. Panduan ini merupakan edisi kemas kini kepada Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang telah diterbitkan pada tahun 2014. Adalah diharapkan panduan ini dapat memberi kefahaman dan membantu pihak berkaitan dalam melaksanakan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT ini dengan lebih berkesan. Panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan panduan-panduan berkaitan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

### **1.2 LATAR BELAKANG**

- 1.2.1 PPT adalah satu proses penilaian yang berasaskan pencapaian terdahulu seseorang individu merangkumi pembelajaran yang diperolehi daripada pengalaman di tempat kerja dan pengalaman pembelajaran samada secara formal dan tidak formal bagi tujuan penganugerahan sijil di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;
- 1.2.2 Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT ini telah dilancarkan pada 13 September 1996. Kaedah ini memberi peluang kepada pekerja mahir di negara ini untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap keterampilan serta pengalaman terdahulu yang mereka miliki;
- 1.2.3 Pekerja-pekerja mahir yang mempunyai kemahiran dan pengalaman tetapi tidak mempunyai sijil tertentu boleh mendapatkan pengiktirafan melalui Persijilan Kemahiran Malaysia di mana mereka boleh dianugerahkan sijil tanpa perlu mengikuti latihan secara formal; dan
- 1.2.4 Pekerja-pekerja mahir ini hanya perlu membuktikan keterampilan yang telah dimiliki untuk dinilai dan disahkan di samping syarat-syarat lain yang telah ditetapkan di dalam panduan ini bagi memenuhi keperluan Standard.

### **1.3 PENGENALAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA MELALUI KAEDAH PPT**

- 1.3.1 Seseorang yang memiliki pengalaman kerja dalam bidang kemahiran yang memenuhi Standard dan syarat yang ditetapkan boleh dipersijilkan melalui kaedah PPT mengikut tahap persijilan seperti berikut:
  - a. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3;
  - b. Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/ Tahap 4; dan
  - c. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) / Tahap 5

1.3.2 Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah PPT boleh dilaksanakan mengikut kategori berikut:

a. **Persijilan Penuh** sama ada Mengikut Tahap atau *Single Tier* ; dan

b. **Persijilan Modular** iaitu :

- i. Satu (1) CU atau gabungan beberapa CU dalam program yang sama;
- ii. Satu (1) CU atau gabungan beberapa CU pada mana-mana tahap dalam kumpulan program yang sama; atau
- iii. Semua NCS dalam Daftar Standard kecuali *Core Abilities*.

Persijilan Modular ini akan membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).

1.3.3 Terdapat dua (2) kaedah Penilaian keterampilan yang boleh dipilih oleh calon iaitu:

- a. **Penilaian Portfolio** yang dilaksanakan sama ada di tempat kerja calon / lokasi penilaian yang bersesuaian atau di Pusat Bertauliah PPT (PB-PPT); atau
- b. **Penilaian amali** yang dilaksanakan di PB-PPT atau Pusat Penilaian Amali (PPA-PPT).

1.3.4 Kaedah penilaian bagi program **Operasi Latihan Vokasional (Vocational Training Operation - VTO)** adalah secara temuduga dan semakan dokumen Profil Kekompetenan Calon.

1.3.5 Senarai PB-PPT atau PPA-PPT yang diluluskan mengikut program boleh dirujuk di dalam sistem MySPIKE dari semasa ke semasa.

1.3.6 **Tempoh Maksimum Penilaian Keterampilan** calon bagi kedua-dua kaedah berkenaan adalah selama **3 bulan** bagi persijilan tahap 1 hingga 3 (SKM 1 - 3) dan **6 bulan** bagi persijilan tahap 4 hingga 5 (DKM - DLKM). Tempoh ini termasuk sama ada permohonan pada satu tahap atau mengikut gabungan tahap.

1.3.7 Pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT adalah seperti berikut:

- a. **Calon** – Individu yang telah memenuhi syarat permohonan PPT;
- b. **Pegawai Penilai (PP-PPT)** – personel lantikan JPK yang ditugaskan untuk membimbing dan menilai calon dalam membangunkan portfolio dan LPKT dalam tempoh kaunseling dan penilaian; dan
- c. **Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT)** – personel lantikan JPK yang ditugaskan untuk mengesahkan penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT terhadap calon bagi penilaian portfolio atau Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) dan juga mengesahkan penilaian amali calon.

- 1.3.8 Calon yang melaksanakan PPT secara penilaian portfolio akan melalui proses kaunseling dan penilaian bersama PP-PPT bagi tujuan membangunkan portfolio atau membangunkan portfolio berserta LPKT bagi program DKM/ DLKM.
- 1.3.9 Calon yang melaksanakan PPT secara penilaian amali di PPA-PPT bagi program DKM/ DLKM akan melalui proses kaunseling dan penilaian bersama PP-PPT yang ditugaskan oleh JPK bagi tujuan bimbingan dalam pembangunan LPKT.
- 1.3.10 Calon akan dinilai melalui proses verifikasi oleh PPL-PPT bagi menentukan keputusan persijilan yang layak diterima oleh calon dengan mengambilkira syor PP-PPT.
- 1.3.11 Mana-mana calon yang telah lulus sesi verifikasi akan dianugerahkan sijil mengikut kategori yang dibuat semasa permohonan iaitu:
- a. Mengikut Tahap - sijil akan dianugerahkan mengikut setiap tahap yang layak;
  - b. *Single tier* - sijil akan dianugerahkan pada tahap tertinggi yang layak dicapai oleh calon; dan
  - c. Program Modular - Penyata Pencapaian (PC) akan dianugerahkan kepada calon yang mencapai keterampilan yang digariskan di dalam Standard.

## BAB 2.0 : SYARAT DAN PROSEDUR PERMOHONAN

Bab ini menjelaskan syarat dan prosedur yang ditetapkan kepada individu yang berminat untuk mendapatkan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT dan kadar bayaran permohonan yang dikenakan kepada pemohon. Dijelaskan juga syarat untuk mendapatkan kelulusan bagi mana-mana Pusat Bertauliah yang ingin melaksanakan program melalui kaedah PPT dan syarat permohonan kelulusan sebagai Pusat Penilaian Amali (PPA-PPT).

### 2.1 PERMOHONAN SEBAGAI CALON PPT

#### 2.1.1 Syarat umum :

##### a. Umur :

≥ 17 tahun	Permohonan Modular dan SKM Tahap 1,2 dan 3
≥ 21 tahun	Permohonan SKM Tahap 4 (DKM)
≥ 23 tahun	Permohonan SKM Tahap 5 (DLKM)

- b. Memenuhi pra-syarat seperti yang digariskan di dalam Standard sekiranya berkaitan;
- c. Memiliki SKM pada tahap yang lebih rendah bagi permohonan SKM yang lebih tinggi dalam kumpulan program yang sama;
- d. Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan pada tahap yang dipohon sama ada di dalam atau di luar negara seperti di **Jadual 1**; dan
- e. Tidak dibenarkan memohon program yang sama sekiranya telah memiliki SKM/DKM/DLKM bagi program tersebut.

#### 2.1.2 Bagi pemohon **bukan warganegara** yang bekerja di Malaysia hendaklah mematuhi syarat tambahan seperti berikut:

- a. Mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah;
- b. Memiliki perakuan kebenaran bekerja yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- c. Mengemukakan permohonan selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat tempoh perakuan kebenaran bekerja (bagi perakuan yang bertempoh);
- d. Sedang bekerja di mana-mana syarikat yang sedang beroperasi dan berdaftar di Malaysia;
- e. Mempunyai pengalaman kerja melebihi dua (2) tahun di Malaysia secara berterusan; dan
- f. Calon hendaklah boleh berbahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

#### 2.1.3 Bagi pemohon yang memilih kaedah penilaian secara penilaian amali, pemohon perlu memenuhi kategori PPA-PPT dan kategori pemohon yang dibenarkan seperti perkara 2.7.1 dan 2.7.3;

2.1.4 **Jadual 1** menunjukkan syarat tempoh minimum pengalaman kerja dalam bidang berkenaan yang perlu dipenuhi oleh pemohon;

Jadual 1: Tempoh Minimum Pengalaman Kerja dalam Bidang Berkaitan

Jenis Persijilan	Permohonan Mengikut Tahap (MT), Gabungan Tahap, <i>Single Tier (ST)</i> atau Modular	Tempoh Minimum Pengalaman Kerja Dalam Program Yang Dipohon
Persijilan Penuh	SKM Tahap 1	1 tahun pengalaman kerja
	SKM Tahap 2*	2 tahun pengalaman kerja
	SKM Tahap 1 & 2	
	SKM Tahap 3*	3 tahun pengalaman kerja
	SKM Tahap 2 & 3	
	SKM Tahap 1, 2 & 3	
	SKM Tahap 1, 2, 3 & DKM	5 tahun pengalaman kerja
	SKM Tahap 2, 3 & DKM	
	SKM Tahap 3 & DKM	
	DKM*	
	SKM Tahap 1, 2, 3, DKM & DLKM	7 tahun pengalaman kerja
	SKM Tahap 2, 3, DKM & DLKM	
	SKM Tahap 3, DKM & DLKM	
	DKM & DLKM	
	DLKM*	
SKM bagi program VTO	i. $\geq 4$ tahun pengalaman mengajar dalam bidang kemahiran; dan ii. Memiliki Sijil Kursus Intensif VTO yang dikeluarkan oleh CIAST	
DKM bagi program VTE	Memiliki VTO dan satu (1) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran	
DLKM bagi program VTM	Memiliki VTE dan dua (2) tahun pengalaman mengurus latihan kemahiran	
Persijilan Modular	1 atau beberapa gabungan CU	1 tahun pengalaman kerja
	NCS	

*Nota: Bagi perkara bertanda (\*) hanya terpakai jika sekiranya Standard tidak mempunyai tahap terendah bagi program yang dipohon dan tempoh pengalaman kerja minimum berpandukan tahap persijilan tertinggi yang dipohon.*

2.1.5 Tempoh pengalaman kerja boleh dikira secara berterusan atau secara terkumpul dalam bidang berkenaan;

2.1.6 Pemegang SKM Peringkat Asas/Pertengahan/Tinggi adalah dibenarkan untuk memohon persijilan ke peringkat yang lebih tinggi di bawah program yang sama berdasarkan **Jadual 2**.

Jadual 2: Tahap Persijilan yang Layak dipohon

Jenis Persijilan (Lama)	Tahap Persijilan Yang Layak Dipohon
SKM Peringkat Asas	SKM Tahap 2
SKM Peringkat Pertengahan	SKM Tahap 3
SKM Peringkat Tinggi	DKM

2.1.7 Program yang boleh dipohon adalah seperti yang tersenarai di dalam Daftar Standard terkini kecuali bagi program yang tidak boleh dipersijilkan melalui kaedah PPT yang boleh dirujuk melalui laman web JPK.

## 2.2 PROSEDUR PERMOHONAN SEBAGAI CALON PPT

2.2.1 Permohonan PPT boleh dibuat pada bila-bila masa secara dalam talian melalui sistem MySPIKE di [www.myspike.my](http://www.myspike.my);

2.2.2 Sebelum membuat permohonan PPT pemohon perlu melaksanakan penilaian sendiri di dalam sistem tersebut bagi menentukan sama ada dirinya telah memenuhi keperluan Standard bagi program yang ingin dipohon dan menilai kompetensi yang dimilikinya;

2.2.3 Penilaian sendiri juga dibuat bagi mengetahui status kelayakan pemohon berdasarkan keputusan analisis jurang seperti **Jadual 3**.

Jadual 3: Status Kelayakan Berdasarkan Keputusan Analisis Jurang

KEPUTUSAN ANALISIS JURANG	STATUS KELAYAKAN
100% memenuhi keperluan NOSS (tiada jurang)	Pemohon layak mengemukakan permohonan
≤ 30% daripada keperluan NOSS yang dipohon	Pemohon boleh melaksanakan salah satu daripada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengikuti kursus atau latihan di PB-PPT atau mana-mana pusat latihan yang menawarkan kursus atau latihan yang berkenaan bagi memenuhi jurang kompetensi berkenaan;</li> <li>ii. Memohon persijilan modular melalui kaedah PPT bagi mana-mana unit kompetensi yang dapat dipenuhi sahaja; atau</li> <li>iii. Mendapatkan pengalaman berkaitan bagi memenuhi jurang kompetensi berkenaan.</li> </ul>
> 30% daripada keperluan NOSS yang dipohon	Belum layak memohon, namun begitu pemohon boleh : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memohon persijilan modular melalui kaedah PPT bagi mana-mana unit kompetensi yang dapat dipenuhi; atau</li> <li>ii. Mendapatkan pengalaman berkaitan bagi memenuhi jurang kompetensi berkenaan.</li> </ul>

2.2.4 Bagi pemohon yang layak mengemukakan permohonan, pemohon boleh merujuk **Jadual 4**: Struktur Pelaksanaan PPT yang menunjukkan kategori permohonan, lokasi, kaedah penilaian dan saluran permohonan yang boleh dipilih oleh pemohon mengikut kesesuaian.

Jadual 4: Struktur Pelaksanaan PPT

Kategori Permohonan		Lokasi Penilaian	Kaedah Penilaian	Saluran Permohonan
Persijilan Penuh	i. Mengikut Tahap	Tempat kerja calon / lokasi penilaian yang bersesuaian	Penilaian Portfolio	JPK
		PB-PPT	i. Penilaian Portfolio; atau ii. Penilaian Amali	PB-PPT
		PPA-PPT	Penilaian Amali	JPK
	ii. <i>Single Tier</i>	PB-PPT	Penilaian Portfolio	PB-PPT
Persijilan Modular	i. Satu (1) CU atau gabungan beberapa CU dalam program yang sama;	Tempat kerja calon / lokasi penilaian yang bersesuaian	Penilaian Portfolio	JPK
	ii. Satu (1) CU atau gabungan beberapa CU pada mana-mana tahap dalam kumpulan program yang sama; atau	PB-PPT	i. Penilaian Portfolio; atau ii Penilaian Amali	PB-PPT
	iii. Semua NCS dalam Daftar Standard kecuali <i>Core Abilities</i>	PPA-PPT	Penilaian Amali	JPK



2.2.5 Kategori pelaksanaan persijilan adalah seperti berikut:

a. Persijilan Penuh

- i. Program yang dijalankan bagi memenuhi semua unit kompetensi di dalam NOSS berkaitan yang membawa kepada penganugerahan SKM/ DKM/ DLKM; dan
- ii. Terdapat dua (2) kategori dalam persijilan penuh iaitu Persijilan Mengikut Tahap dan Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*).

b. Persijilan Modular

- i. Persijilan modular terdiri daripada satu atau gabungan beberapa CU bagi program yang sama atau gabungan beberapa CU pada mana-mana tahap dalam kumpulan program yang sama yang membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC); dan
- ii. Program yang tidak boleh dimohon secara modular adalah VTO dan NCS *Core Abilities*.

2.2.6 Berpandukan **Jadual 3**, pemohon boleh memilih untuk melaksanakan penilaian di lokasi seperti berikut berdasarkan kaedah penilaian yang dipilih:

- a. Tempat kerja pemohon / lokasi penilaian yang bersesuaian bagi penilaian secara portfolio;
- b. PB-PPT bagi penilaian secara portfolio atau penilaian amali; atau
- c. PPA-PPT bagi penilaian amali sahaja.

2.2.7 Pemohon perlu melengkapkan permohonan dengan memuatnaik senarai dokumen seperti berikut ke dalam sistem MySPIKE :

- a. Dokumen pengesahan jawatan dan tempoh pengalaman kerja dalam program yang dipohon seperti berikut:
  - i. Surat pengesahan jawatan dan tempoh pengalaman kerja bagi pemohon yang mempunyai majikan - Rujuk **Lampiran 1**;
  - ii. Pengesahan akuan sumpah bagi pemohon yang bekerja sendiri dan tiada majikan - Rujuk **Lampiran 2**; dan
  - iii. Pengesahan akuan sumpah bagi pemohon yang terdiri daripada pemilik syarikat – Rujuk **Lampiran 3**
- b. Salinan SKM tertinggi yang dimiliki sekiranya maklumat sijil tidak dipaparkan dalam sistem MySPIKE;
- c. Salinan perakuan kebenaran bekerja yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi pemohon bukan warganegara;
- d. Melengkapkan Borang LPKT di dalam sistem MySPIKE bagi permohonan DKM/ DLKM; dan
- e. Bagi pemohon yang memilih kaedah penilaian secara penilaian amali, perlu memuat naik dokumen tambahan berikut mengikut kategori PPA-PPT:

- i. Surat pengesahan majikan yang menunjukkan pemohon merupakan kakitangan syarikat berkenaan bagi kategori Syarikat/ Organisasi sebagai PPA-PPT; atau
- ii. Bukti keahlian persatuan/ pertubuhan bagi kategori Persatuan/ Pertubuhan sebagai PPA-PPT.

2.2.8 Pengesahan salinan dokumen-dokumen hendaklah dibuat oleh majikan, pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Ketua Kampung/Mukim/Penghulu.

## 2.3 KADAR BAYARAN PERMOHONAN SEBAGAI CALON PPT

2.3.1 Kadar bayaran permohonan adalah mengikut kadar fi dan caj yang sedang berkuatkuasa iaitu:

- a. RM300 /tahap /calon bagi permohonan mengikut tahap;
- b. RM300 /permohonan /calon bagi permohonan *Single Tier*;
- c. RM300 /permohonan /calon bagi permohonan modular (CU); dan
- d. RM300 /NCS /calon bagi permohonan NCS

2.3.2 Bayaran permohonan PPT boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem MySPIKE atau dalam bentuk Kiriman Wang, Deraf Bank, Pesanan Kerajaan (L.O.) atas nama **'KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN'** dengan tempoh sahlaku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh permohonan diterima;

2.3.3 Permohonan akan didaftarkan setelah proses bayaran selesai dan resit rasmi dikeluarkan oleh JPK. Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya didapati calon menarik diri atau menukar program; dan

2.3.4 Bagi mana-mana calon yang ditaja oleh agensi atau PB-PPT tertentu, bayaran permohonan hendaklah dibuat oleh agensi atau PB-PPT tersebut dan perlu mengemukakan senarai nama pemohon semasa membuat pembayaran. Penggantian calon adalah tidak dibenarkan setelah resit dikeluarkan.

## 2.4 PERMOHONAN KELULUSAN MELAKSANAKAN PPT DI PUSAT BERTAULIAH (PB-PPT)

2.4.1 Pusat Bertauliah (PB) boleh melaksanakan program Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT dengan membuat permohonan secara dalam talian melalui sistem MySPIKE pada bila-bila masa dan hendaklah memenuhi syarat berikut:

- a. Telah mendapat pentauliahian penuh bagi program yang dipohon; dan
- b. Mempunyai personel berkelayakan yang memenuhi kriteria sebagai Penyelaras PPT dan Pegawai Penilai PPT (PP-PPT) seperti **Jadual 5**:

Jadual 5: Kriteria Personel Berkelayakan di PB-PPT

Bil.	Kriteria Personel Berkelayakan di PB-PPT	
1.	Penyelaras PPT	a. Berumur 18 tahun dan ke atas; b. Merupakan kakitangan tetap di PB-PPT; dan c. Lulus kursus Induksi PP-PPT.
2.	Pegawai Penilai PPT	a. Personel PB-PPT <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lantikan JPK sebagai PP-PPT (masih dalam tempoh sah lantikan); dan</li> <li>ii. Dilantik sebagai Pegawai Penilai Kendiri</li> </ul> b. Bukan Personel PB-PPT PP-PPT lantikan JPK yang bukan kakitangan PB-PPT. Bagaimanapun PP-PPT berkenaan hanya boleh berdaftar terhad di tiga (3) PB-PPT sahaja pada satu-satu masa.

2.4.1 Personel yang ditugaskan oleh PB-PPT sebagai PP-PPT tidak layak membuat sebarang tuntutan TNT dan elaun kepakaran daripada JPK.

2.4.2 Kelulusan sebagai PB-PPT:

- a. Kelulusan sebagai PB-PPT boleh disemak melalui sistem MySPIKE;
- b. PB-PPT yang telah mendapat kelulusan hendaklah melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:
  - i. Menyedia dan menguruskan penilaian melalui kaedah PPT mengikut keperluan yang digariskan dalam Standard dan panduan pelaksanaan PPT yang sedang berkuatkuasa;
  - ii. Hendaklah melantik Penyelaras PPT mengikut kriteria seperti di **Jadual 5**;
  - iii. Menjalankan latihan maksimum 30% daripada NOSS berkaitan berdasarkan keputusan analisis jurang kompetensi calon. Latihan hendaklah dijalankan dengan nisbah PP-PPT dan calon adalah 1:25 pada satu-satu masa;
  - iv. Mengemaskini sebarang perubahan Penyelaras Program PPT, PP-PPT melalui sistem MySPIKE; dan
  - v. Mematuhi semua syarat dan peraturan pentauliahan JPK yang sedang berkuatkuasa.
- c. Kelulusan sebagai PB-PPT akan tamat sekiranya pentauliahan bagi program tersebut juga telah tamat atau PB ditamatkan atas sebab-sebab tertentu; dan

- d. KPPK pada bila-bila masa boleh menggantung atau membatalkan kelulusan yang diberikan kepada mana-mana PB-PPT berdasarkan seksyen 29 Akta 652.

#### 2.4.3 Tanggungjawab Personel berkelayakan di PB-PPT

##### a. Penyelaras PPT:

- i. Menyelaras pendaftaran permohonan SKM/DKM/DLKM melalui PPT bagi calon yang berdaftar dengan PB-PPT;
- ii. Menyediakan pelan perancangan latihan mengikut jumlah bilangan calon yang boleh diterima masuk berdasarkan kemudahan dan peralatan sedia ada bagi latihan (maksimum 30%);
- iii. Merancang dan mengatur jadual, kemudahan dan personel untuk sesi kaunseling, penilaian dan verifikasi calon mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan;
- iv. Menyelaras perkara-perkara yang berkaitan seperti penjadualan, soalan penilaian, tempat, peralatan, kelengkapan, bahan guna habis dan apa-apa keperluan yang berkaitan sekiranya kaedah penilaian amali dilaksanakan;
- v. Memastikan sesi penilaian dan verifikasi dijalankan dalam tempoh kelulusan PB-PPT;
- vi. Membuat penugasan PP-PPT merujuk kepada program dan kelayakan PP-PPT sebagaimana kelulusan JPK;
- vii. Memastikan PP-PPT mengemaskini keputusan penilaian keterampilan dalam sistem MySPIKE bagi tujuan permohonan penilaian verifikasi PPL-PPT; dan
- viii. Menghadiri sesi verifikasi PPL-PPT sepanjang penilaian dijalankan.

##### b. Pegawai Penilai PPT (PP-PPT di PB-PPT)

- i. Membantu calon mengenalpasti NOSS dan jurang kompetensi melalui penilaian sendiri berdasarkan pengalaman yang dimiliki oleh calon berkenaan;
- ii. Melaksanakan kursus kepada calon PPT berdasarkan jurang kompetensi yang dikenalpasti;
- iii. Melaksanakan sesi kaunseling dan penilaian;
- iv. Mengemukakan permohonan PPL-PPT kepada Penyelaras Program PPT untuk proses verifikasi calon; dan
- v. Menyediakan Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bagi setiap calon yang dikendalikan – Rujuk **Lampiran 4**

## 2.5 PELAKSANAAN PRA-PENDAFTARAN CALON PB-PPT

2.5.1 Pra-Pendaftaran adalah satu proses dimana pemohon akan mendaftar di PB-PPT yang dipilih sebelum mendaftar sebagai calon PPT di JPK. Aktiviti di bawah Pra-Pendaftaran calon adalah seperti berikut:

- a. Analisis Jurang Kompetensi Individu
  - i. Analisis jurang kompetensi dilakukan oleh calon bersama PP-PPT melalui sistem MySPIKE bagi mengenal pasti jurang di antara kompetensi yang dimiliki dengan keperluan Standard; dan
  - ii. Hasil analisis jurang kompetensi boleh membawa kepada keputusan seperti di **Jadual 3**.
- b. Pelaksanaan Kursus dan Penilaian Pemohon
  - i. Penilaian kursus perlu dilaksanakan bagi memastikan keterampilan individu memenuhi kompetensi yang berkaitan;
  - ii. Penilaian kursus hendaklah dilaksanakan dalam bentuk penilaian pengetahuan dan penilaian prestasi;
  - iii. PB-PPT hendaklah mengeluarkan sijil bagi kursus yang telah dihadiri oleh calon bagi tujuan pengesahan kehadiran dan penyertaan calon; dan
  - iv. Pemohon yang telah mengikuti kursus dan melalui penilaian serta disyorkan terampil boleh didaftarkan sebagai calon PPT.

## 2.6 PENDAFTARAN CALON PB-PPT

2.6.1 Bagi melengkapkan pendaftaran calon, PB-PPT hendaklah membuat pembayaran permohonan sebanyak RM300/ tahap/ calon secara dalam talian melalui sistem MySPIKE atau dalam bentuk Kiriman Wang, Deraf Bank, Pesanan Kerajaan (L.O.) atas nama **'KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN'** dengan tempoh sah laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh permohonan diterima; dan

2.6.2 PB-PPT perlu menyediakan kemudahan dan keperluan mengikut kaedah penilaian keterampilan yang telah dipilih oleh calon sama ada secara penilaian portfolio atau penilaian amali.

## 2.7 PERMOHONAN KELULUSAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN AMALI (PPA-PPT)

2.7.1 Syarat permohonan sebagai PPA-PPT adalah :

- a. Hendaklah terdiri daripada salah satu (1) kategori berikut:
  - i. **Syarikat / Organisasi** yang menjalankan operasi di dalam bidang berkaitan;
  - ii. **Persatuan/ Pertubuhan** yang berdaftar; atau
  - iii. **Penyedia Latihan** yang menjalankan latihan di dalam bidang berkaitan

- b. Melantik penyelaras yang merupakan kakitangan berjawatan tetap di syarikat/ Organisasi atau Penyedia Latihan dan ahli Persatuan/ Pertubuhan berkenaan serta mempunyai pengetahuan dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT.

2.7.2 Prosedur permohonan sebagai PPA-PPT boleh dibuat secara dalam talian di dalam sistem MySPIKE dan hendaklah memuatnaik dokumen berikut:

- a. Dokumen perakuan pendaftaran berserta profil syarikat/ organisasi;
- b. Sijil pendaftaran berserta profil Persatuan/ Pertubuhan; dan
- c. Salinan Sijil Kursus Induksi PP-PPT bagi yang dilantik sebagai penyelaras PPT.

2.7.3 Kelulusan sebagai PPA-PPT

- a. Kelulusan permohonan sebagai PPA-PPT boleh disemak melalui sistem MySPIKE. PPA-PPT yang telah diluluskan mengikut kategori 2.7.1 hanya dibenarkan mendaftar dan menguruskan calon seperti di **Jadual 6**;

Jadual 6: Kategori PPA-PPT dan Jenis Calon yang dibenarkan

Kategori PPA-PPT	Pemohon yang dibenarkan menjadi calon PPT
Syarikat / Organisasi	hanya kakitangan/pekerja syarikat/ organisasi tersebut sahaja.
Persatuan/ Pertubuhan	terhad kepada ahli yang berdaftar dengan Persatuan/ Pertubuhan tersebut sahaja.
Penyedia Latihan	Boleh menerima mana-mana individu untuk didaftarkan sebagai calon PPT.

- b. Tempoh kelulusan sebagai PPA-PPT adalah selama 3 tahun;
- c. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada JPK secara dalam talian melalui sistem MySPIKE;
- d. PPA-PPT yang diluluskan hanya dibenarkan melaksanakan penilaian amali bagi kaedah persijilan mengikut tahap dan modular sahaja;
- e. JPK boleh membatalkan sesi verifikasi PPL-PPT sekiranya:
  - i. PPA-PPT gagal menyediakan bahan, peralatan dan kelengkapan mengikut kehendak soalan pada hari verifikasi dilaksanakan;
  - ii. PPA-PPT menukar tempat verifikasi;
  - iii. Tidak menggunakan set soalan yang diluluskan oleh JPK; atau
  - iv. Penyelaras tidak hadir semasa sesi verifikasi tanpa sebab yang munasabah.
- f. Sekiranya berlaku perubahan lokasi, hak milik atau apa-apa pindaan maklumat PPA-PPT, kelulusan sebagai PPA-PPT akan terbatal dan hendaklah membuat permohonan semula sebagai PPA-PPT; dan

- g. PPA-PPT hendaklah merujuk Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa dan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652).

#### 2.7.4 Tanggungjawab Penyelaras PPA-PPT:

- a. Menyelaras pendaftaran dan permohonan calon di dalam sistem MySPIKE;
- b. Menyediakan jadual penilaian berdasarkan kumpulan calon yang didaftarkan;
- c. Mengemaskini maklumat penilaian calon di dalam sistem MySPIKE bagi tujuan permohonan verifikasi PPL-PPT;
- d. Memastikan bahan, peralatan dan kelengkapan serta soalan penilaian amali lengkap sebelum sesi penilaian dilakukan;
- e. Menghadiri sesi verifikasi PPL-PPT;
- f. Memastikan calon hadir semasa sesi verifikasi dan hanya calon yang berdaftar sahaja yang layak menduduki penilaian amali tersebut;
- g. Memberi penerangan kepada calon berkenaan penilaian amali yang akan dijalankan;
- h. Memastikan PPL-PPT mengemaskini keputusan penilaian dalam sistem MySPIKE; dan
- i. Bertanggungjawab dalam mengumpul LPKT yang telah disahkan oleh PPL-PPT bagi penilaian DKM dan DLKM untuk diserahkan kepada JPK.

## BAB 3.0 : PELAKSANAAN KAUNSELING DAN PENILAIAN

Di dalam pelaksanaan PPT, PP-PPT dilantik dan ditugaskan untuk melaksanakan proses kaunseling dan penilaian. Proses kaunseling diperlukan untuk membimbing dan membantu calon dalam menyediakan bukti-bukti keterampilan yang dimiliki calon bagi membangunkan portfolio dan membimbing calon membangunkan LPKT bagi DKM/ DLKM. Proses penilaian pula adalah untuk menyemak, menilai dan menentusahkan bukti-bukti keterampilan calon tersebut memenuhi keperluan NOSS. Proses penilaian ini termasuk lawatan tempat kerja calon dan sesi soaljawab bersama calon.

Beberapa perkara berkaitan proses kaunseling dan penilaian dijelaskan di dalam bab ini iaitu tempoh, kaedah dan lokasi penilaian yang boleh dipilih mengikut keperluan calon, peranan personel terlibat serta tatacara pembangunan portfolio dan LPKT.

### 3.1 TEMPOH MAKSIMUM PENILAIAN KETERAMPILAN

- 3.1.1 Tempoh maksimum penilaian keterampilan adalah merangkumi tempoh sesi kaunseling dan penilaian serta permohonan sesi verifikasi;
- 3.1.2 Penilaian keterampilan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di dalam **Jadual 7** selepas penugasan PP-PPT dibuat; dan

Jadual 7: Kaedah dan Tempoh Maksimum Penilaian Keterampilan

Tahap Persijilan	Kaedah Penilaian	Tempoh Maksimum Penilaian Keterampilan
SKM Tahap 1/2/3	i. Penilaian Portfolio; atau ii. Penilaian Amali	3 bulan
DKM/DLKM	i. Penilaian Portfolio + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT); atau ii. Penilaian Amali + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	6 bulan
SKM Program VTO	Penilaian secara temuduga dan semakan dokumen Profil Kekompetenan Calon.	3 bulan
DKM/DLKM bagi Program VTE/VTM	Penilaian Portfolio + Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	6 bulan
Program Modular (1 CU/gabungan CU atau NCS)	i. Penilaian Portfolio; atau ii. Penilaian Amali	3 bulan

- 3.1.3 Tempoh maksimum penilaian keterampilan adalah sama walaupun permohonan dibuat pada satu tahap atau mengikut gabungan tahap di mana tiada tambahan



tempoh penilaian diberikan. Penetapan tempoh maksimum penilaian keterampilan juga berdasarkan kepada tahap tertinggi yang dipohon.

### **3.2 KAEDAH PENILAIAN KETERAMPILAN**

- 3.2.1 Kaedah penilaian keterampilan yang melibatkan sesi kaunseling dan penilaian adalah seperti berikut:
- a. Kaedah penilaian secara portfolio bagi SKM Tahap 1-3;
  - b. Kaedah penilaian secara portfolio bagi DKM/ DLKM termasuk bimbingan untuk membangunkan LPKT; dan
  - c. Kaedah penilaian amali bagi DKM/ DLKM dimana sesi kaunseling dan penilaian untuk pembangunan LPKT sahaja.
- 3.2.2 Bagi penilaian secara portfolio, sesi kaunseling dan penilaian dilaksanakan bertujuan untuk membimbing calon dalam membangunkan portfolio yang mengandungi koleksi dokumen yang membuktikan keterampilan dari segi pengetahuan, kemahiran, kelayakan, pengalaman dan pencapaian yang dimiliki oleh calon serta memenuhi keperluan Standard; dan
- 3.2.3 Bagi pelaksanaan DKM atau DLKM sama ada secara portfolio atau penilaian amali, proses kaunseling dibuat untuk membimbing calon dalam membangunkan LPKT di mana LPKT ini adalah dokumen yang menjelaskan pengalaman kerja yang dimiliki oleh calon dalam bentuk laporan projek yang mengandungi aktiviti-aktiviti atau proses yang berkaitan dengan program yang dipohon dan memenuhi keperluan Standard.

### **3.3 PEMBANGUNAN PORTFOLIO**

- 3.3.1 Portfolio hendaklah disediakan oleh calon dengan bukti keterampilan memenuhi perkara berikut:
- a. Sahih – bukti yang menunjukkan tugas yang dibuat oleh calon dan menepati keterampilan yang digariskan dalam Standard;
  - b. Boleh percaya – bukti yang diperolehi adalah dari sumber yang boleh dipercayai; dan
  - c. Mencukupi – bukti keterampilan yang dikemukakan memenuhi keperluan Standard.
- 3.3.2 Bukti keterampilan boleh diperolehi daripada sumber seperti berikut :
- a. Pengalaman kerja di dalam atau di luar negara;
  - b. Latihan atau peperiksaan dalam bidang berkaitan yang telah dihadiri di dalam atau di luar negara sebelum permohonan PPT dibuat;
  - c. Hobi dan kerja-kerja sukarela yang berkaitan; dan
  - d. Pencapaian atau penyertaan dalam mana-mana pertandingan yang berkaitan.

3.3.3 Bukti keterampilan boleh dikemukakan mengikut jenis bukti seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 8** dan **Jadual 9**.

Jadual 8: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Kukuh

Jenis-Jenis Bukti	Sumber Diperolehi /Syarat
<b>A. BUKTI KUKUH</b>	
1. Memo/Surat Lantikan/Arahan kerja	- Majikan, Pusat Bertauliah (PB) atau agensi awam/swasta yang berkenaan - Disahkan oleh pegawai atasan
2. Senarai Tugas	- Disahkan oleh pegawai atasan atau majikan.
3. Lesen/ Sijil Profesional	- Dikeluarkan oleh Badan Pelesenan/ agensi kelayakan yang diiktiraf.
4. Buku Log/Buku Catatan	- Rujuk kepada dokumen asal buku log/buku catatan. - Disahkan oleh pegawai atasan.
5. Surat Akuan	- Majikan, Pusat Bertauliah atau agensi awam/swasta
6. ROC/ROB/ROS	- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
7. Keputusan Penilaian/Ujian/Peperiksaan	- Dikeluarkan oleh badan/agensi yang diiktiraf - Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal
8. Kertas Kerja	- Telah diluluskan oleh majikan atau pihak ketiga*
9. Laporan	- Telah diluluskan oleh majikan atau pihak ketiga*
10. Rekabentuk/ <i>Blueprint</i>	- Bukti disediakan oleh calon - Salinan bukti yang disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
11. Sijil Kursus	- Daripada agensi yang diiktiraf sama ada institut awam/swasta - Disertakan dengan transkrip, jadual waktu atau kandungan kursus yang berkaitan
12. Anugerah	- Diiktiraf oleh badan atau agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

*Nota : \*Pihak Ketiga adalah Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Ketua Kampung, Penghulu atau Pegawai Pengurusan & Profesional.*

Jadual 9: Bukti-Bukti Keterampilan Kategori Bukti Sederhana

Jenis-Jenis Bukti	Sumber Diperolehi /Syarat
<b>B. BUKTI SEDERHANA</b> – memerlukan bukti tambahan melalui penyemakan, sesi temuduga atau lawatan ke tempat kerja calon	
1. Hasil Kerja	- Dihasilkan sebelum permohonan dikemukakan. - Disahkan secara bertulis oleh pelanggan/majikan atau pihak ketiga*
2. Perakuan PP-PPT	- Laporan hasil lawatan di tempat kerja calon - Laporan sesi soal jawab pada Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT.
3. Testimonial (Pelanggan)	- Merupakan pelanggan kepada calon
4. Keratan Akhbar	- Dokumen asal dan disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
5. Artikel	- Dokumen asal dan bertarikh serta disahkan oleh majikan atau pihak ketiga*
6. Bil/Resit/Inbois	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
7. Sampel	- Dilihat dan disahkan oleh PP-PPT dan PPL-PPT.
8. Video/CD	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
9. Dokumen ISO	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
10. Fail Meja	- Salinan bukti perlu disertakan bersama dokumen asal bagi tujuan semakan PP-PPT dan PPL-PPT
11. Gambar	- Diambil sebelum permohonan dikemukakan. - Disahkan secara bertulis oleh majikan/rakan sekerja/pihak ketiga*.

Nota : \*Pihak Ketiga adalah Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Ketua Kampung, Penghulu atau Pegawai Pengurusan & Professional.

3.3.4 Bukti tidak terhad seperti yang disenaraikan pada **Jadual 8** dan **Jadual 9** sahaja. Calon boleh mengemukakan bukti selain daripada senarai tersebut yang memenuhi para 3.3.1.

3.3.5 Portfolio perlu disediakan pada setiap tahap yang dipohon termasuk permohonan secara *single tier* dengan mengikut susunan kandungan seperti berikut:

- a. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan perlu diisi dalam 2 Salinan – Rujuk **Lampiran 5**;
- b. Salinan Kad Pengenalan;
- c. Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT – Rujuk **Lampiran 6**;
- d. Surat Akuan Pengesahan Calon – Rujuk **Lampiran 7**;
- e. Salinan SKM tertinggi yang dimiliki (jika berkaitan); dan
- f. Dokumen perakuan tempoh pengalaman kerja dalam bidang kemahiran yang dipohon :

- i. Surat pengesahan jawatan dan tempoh pengalaman kerja bagi calon yang mempunyai majikan;
  - ii. Pengesahan akuan sumpah bagi calon yang bekerja sendiri dan tiada majikan; atau
  - iii. Pengesahan akuan sumpah atau ROC / ROB bagi calon yang memiliki syarikat sendiri
- g. Carta organisasi tempat kerja;
  - h. Carta Profil Pekerjaan (JPC) / Carta Profil Kompetensi (CPC);
  - i. Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 4**; dan
  - j. Bukti-bukti keterampilan.

3.3.6 Muka depan portfolio dan susunan kandungan tersebut juga boleh dirujuk pada **Lampiran 8**.

### 3.4 PEMBANGUNAN LPKT

3.4.1 Calon akan menjalani sesi kaunseling untuk membangunkan LPKT setelah lulus verifikasi portfolio atau amali dalam tempoh kaunseling dan penilaian yang ditetapkan;

3.4.2 Penyediaan LPKT hendaklah terdiri daripada mana-mana CU/ duti atau gabungan beberapa CU/ duti yang berkaitan dalam program dipohon sama ada berdasarkan projek atau kajian yang pernah dilaksanakan.

3.4.3 Projek atau kajian yang dipilih sebagai LPKT hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut :

- a. Memperkembangkan pembelajaran melalui pengalaman melaksanakan aktiviti;
- b. Bermanfaat; dan
- c. Mempunyai unsur kreativiti dan inovasi bagi projek yang berkaitan rekabentuk atau penyelesaian masalah.

3.4.4 LPKT yang dibangunkan hendaklah mengandungi senarai bab seperti di **Jadual 10**:

Jadual 10: Senarai Bab di Dalam LPKT

Senarai Bab di Dalam LPKT	
DKM	DLKM
i. Bab 1 - Pendahuluan	i. Bab 1 - Pendahuluan
ii. Bab 2 - Metodologi	ii. Bab 2 – Kajian Literatur
iii. Bab 3 - Penemuan dan Analisis	iii. Bab 3 - Metodologi
iv. Bab 4 - Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan	iv. Bab 4 - Penemuan dan Analisis
	v. Bab 5 - Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan

### 3.4.5 Format kandungan LPKT adalah seperti berikut:

- a. Mukasurat Tajuk;
- b. Pengesahan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT);
- c. Penghargaan (Jika perlu);
- d. Abstrak:
  - i. Hendaklah disediakan dalam satu perenggan sahaja dan tidak melebihi satu mukasurat;
  - ii. Disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; dan
  - iii. Kandungan abstrak perlu menggambarkan keseluruhan projek atau kajian yang telah dilaksanakan merangkumi pengenalan ringkas projek atau kajian, pernyataan masalah, objektif, skop, metodologi/kaedah yang digunakan dan hasil dapatan.
- e. Senarai Kandungan: mengandungi senarai isi kandungan beserta nombor muka surat.
- f. Senarai Jadual:
  - i. Sebarang jadual yang digunakan dalam penulisan laporan;
  - ii. Tajuk jadual dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian tengah atas jadual; dan
  - iii. Setiap jadual yang dimasukkan perlu berkaitan dengan isi kandungan dan dirujuk.
- g. Senarai Rajah:
  - i. Rajah adalah bahan ilustrasi yang disertakan dalam teks seperti peta, carta, lukisan, graf, gambar rajah dan fotograf;
  - ii. Senarai ini diperlukan jika terdapat rajah yang digunakan dalam penulisan laporan;
  - iii. Tajuk rajah dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian bawah tengah rajah; dan
  - iv. Setiap rajah yang dimasukkan dalam laporan perlu ada penerangan yang menjelaskan rajah tersebut.
- h. Senarai Lampiran: Senarai ini diperlukan jika terdapat lampiran yang digunakan dalam penulisan laporan.
- i. Pendahuluan: Bahagian ini perlu mengandungi perkara-perkara seperti berikut:
  - i. Pengenalan: menjelaskan secara spesifik kajian atau projek yang telah dilaksanakan;
  - ii. Pernyataan Masalah: menjelaskan isu atau masalah utama yang hendak diatasi dan bagaimana masalah ini diselesaikan melalui projek yang dijalankan;
  - iii. Objektif Projek: menjelaskan perkara-perkara yang perlu dicapai atau dilaksanakan sepanjang pelaksanaan projek ke arah pencapaian maklumat. Hendaklah ditulis dalam bentuk tugas-tugas yang perlu dilaksanakan.

- iv. Skop projek: menjelaskan ruang lingkup projek; dan
  - v. Kepentingan projek: Kesan yang diperolehi (*outcome*) daripada projek yang telah dibangunkan dan boleh memberi manfaat kepada individu, masyarakat, organisasi di tempat kerja atau negara.
- j. Metodologi:
- i. Bahagian ini hendaklah mengandungi semua butir-butir kaedah pelaksanaan dan proses yang terlibat bermula daripada perancangan, rekabentuk, dokumen yang digunakan dan cara-cara pembuatan, menganalisis dan menguji dalam membangunkan projek atau kajian; dan
  - ii. Calon perlu menyediakan carta pelaksanaan (*Gantt Chart*) projek / kajian. Dalam carta ini calon perlu menyenaraikan aktiviti-aktiviti kerja yang terlibat semasa melaksanakan projek / kajian.
- k. Penemuan dan Analisis: pada bahagian ini calon perlu menerangkan hasil dapatan dan analisis data yang berkaitan bagi projek / kajian yang telah dibangunkan.
- l. Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan:
- i. Perkara yang perlu dilaporkan di dalam sub tajuk Perbincangan adalah rumusan hasil dapatan dan pencapaian projek. Hasil dapatan yang diperolehi perlu mencapai objektif projek yang telah ditetapkan;
  - ii. Calon juga boleh mencadangkan penambahbaikan ke atas projek yang dibangunkan pada sub tajuk Cadangan; dan
  - iii. Rumusan secara keseluruhan projek yang telah dilaksanakan perlu dinyatakan di dalam sub tajuk Kesimpulan.
- m. Rujukan: bahagian ini perlu mengandungi senarai rujukan khusus yang telah digunakan di dalam penulisan LPKT. Contoh penulisan rujukan adalah seperti berikut:
- i. Buku : Nama penulis (Tahun). Judul Buku. Edisi. Tempat terbit: Penerbit.ms  
**Antil, J. M. dan Ryan, P. V. S., "Civil Engineering Construction", Ed. Ke-3, Sydney, Angus and Robertson, 1967, halaman 631.**
  - ii. Artikel dalam buku : Penulis Artikel (Tahun). Judul Artikel.dlm>Nama penulis/penyunting buku.*Judul Buku*.Tempat terbit:Penerbit,ms  
**Sarmani,S.(1987).Pencemaran Radioaktif.dlm.Mohamad, A.B. (Ed).*Perspektif Persekitaran*. Petaling Jaya:Fajar Bakti.ms. 71 – 87.**
  - iii. Jurnal : Nama Penulis (Tahun). Judul Artikel. *Judul Jurnal, no. jilid (bilangan keluaran)*,ms.  
**Mikac,N. and Branica,M (1994). Complexation of trialkyllead with diethyldithiocarbonate.*Electroanalysis*,6(2),37-43.**

- iv. Internet : Nama Penulis. (Tahun). Tajuk. *Nama Majalah atau Jurnal, No Jilid (No. keluaran),ms,(jika diberi)*. Dicapai pada Bulan Hari, Tahun, **Alias, M. & Mohd Zain, A. F. (2006). Relationship between entry qualifications and performance in graduate education. *International Education Journal, 7(3)*, ms. 371-378. Dicapai pada September 12, 2007, from <http://iej.cbi.net>**

3.4.6 Format penulisan LPKT adalah seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 11**.

Jadual 11: Format Penulisan LPKT

Perkara	Spesifikasi
Bilangan muka surat	a. DKM : di antara 15 hingga 30 mukasurat tidak termasuk lampiran; dan b. DLKM : di antara 40 hingga 80 mukasurat tidak termasuk lampiran.
Pilihan Bahasa penulisan	Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat penggunaan perkataan yang tidak dapat dialih bahasa, perkataan tersebut mesti dalam format <i>italic</i> ;
Jenis tulisan	a. Times New Roman atau Arial ( <b>Bold</b> untuk tajuk); b. Tajuk bagi setiap bahagian hendaklah ditulis di dalam format <b>Bold</b> ; dan c. Tidak <i>descript</i> atau <i>italic</i> kecuali untuk nama saintifik dan istilah dalam bahasa lain.
Saiz tulisan	a. Saiz 12; dan b. Teks dalam jadual hendaklah bersaiz tidak kurang daripada 8.
<i>Margins</i>	Setiap bab utama, Abstrak, Kata Penghargaan, Kandungan, Rujukan: a. Atas : 2.5 cm; b. Bawah : 2.5 cm; c. Kanan : 2.5 cm; dan d. Kiri : 4.0 cm.
<i>Spacing</i>	a. 1.5 <i>spacing</i> bagi setiap ayat; b. Jarak di antara margin atas dengan nombor bab dan di antara tajuk bab adalah 3 baris; c. Jarak di antara tajuk bab dengan sub tajuk adalah 2 baris; d. Jarak di antara sub tajuk dengan baris pertama teks adalah 1 baris; e. Jarak di antara sub judul baru dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah 2 baris; dan f. 1 <i>spacing</i> bagi bibliografi, jadual, rajah, lampiran, tajuk atau sub-tajuk.
Nombor Mukasurat	Bahagian bawah, kanan.
Spesifikasi Kertas	Saiz A4 80 atau 100 gram (warna putih)
*Jilid	a. Perkataan warna emas dengan saiz 18 Jenis <i>Arial Narrow</i> di bahagian hadapan yang mengandungi:

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Diploma Kemahiran Malaysia / Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia;</li> <li>ii. Tajuk Projek;</li> <li>iii. Nama Calon;</li> <li>iv. No. Pendaftaran Calon;</li> <li>v. Nama Program; dan</li> <li>vi. Kod Program.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>b. Perkataan warna emas dengan saiz 20 Jenis <i>Arial Narrow</i> di bahagian tepi yang mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nama Calon;</li> <li>ii. Kod Program; dan</li> <li>iii. Tahun Verifikasi.</li> </ul> </li> <li>c. LPKT hendaklah dijilid berbentuk buku berkulit keras mengikut warna seperti berikut, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Biru baru (Kod warna 550) - DKM; dan</li> <li>ii. <i>Maroon</i> (Kod warna : 567) – DLKM</li> </ul> </li> </ul>
--	--

*Nota: LPKT hendaklah dihantar ke JPK dalam bentuk softcopy dengan format fail PDF. LPKT yang berjilid hanya untuk simpanan calon sekiranya perlu.*

### 3.5 LOKASI SESI KAUNSELING DAN PENILAIAN

3.5.1 Lokasi sesi kaunseling dan penilaian adalah bergantung kepada pemilihan kaedah penilaian yang dipilih oleh calon semasa membuat permohonan seperti di para 2.2.4.

### 3.6 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PERSONEL TERLIBAT

3.6.1 Calon dan Pegawai Penilai PPT (PP-PPT) merupakan personel yang terlibat dalam pelaksanaan sesi kaunseling dan penilaian. Peranan dan tanggungjawab kedua-dua personel tersebut adalah seperti berikut:

#### a. Tanggungjawab Calon

- i. Menyemak dari masa ke semasa melalui sistem atau setelah menerima pemakluman melalui emel bagi mendapatkan Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT;
- ii. Menyemak butiran maklumat di dalam Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT dan melaporkan kepada JPK sekiranya terdapat kesilapan maklumat pada slip tersebut;
- iii. Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan PP-PPT;



- iv. Menghubungi PP-PPT bagi menentukan masa dan lokasi perjumpaan;
- v. **Semasa sesi kaunseling**, calon hendaklah:
  - 1. Mendapatkan maklumat serta bimbingan berkaitan kaedah dan prosedur pembangunan portfolio, Standard yang digunakan, penyediaan bukti-bukti keterampilan serta proses-proses yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian;
  - 2. Mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang sah, boleh percaya dan mencukupi;
  - 3. Menyenaraikan semua bukti keterampilan yang dimiliki berdasarkan program yang dipohon pada ruangan Senarai Bukti-Bukti Keterampilan Calon PPT di dalam borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT ;
  - 4. Membuat pemetaan di antara bukti-bukti keterampilan yang dimiliki dengan Standard pada ruangan Jadual Perbandingan Standard Dengan Bukti-Bukti Keterampilan Calon PPT di dalam borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT;
  - 5. Mendapatkan pengesahan daripada PP-PPT bagi setiap bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan;
  - 6. Bagi program DKM atau DLKM, calon hendaklah membangunkan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) berdasarkan format yang telah ditetapkan; dan
  - 7. Memastikan bahawa sesi kaunseling dan penilaian dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dan boleh dibuat berulang kali sehingga PP-PPT bersedia untuk membuat pengesyoran kelayakan tahap persijilan calon.
- vi. **Semasa sesi penilaian**, calon hendaklah:
  - 1. Memaklumkan kepada PP-PPT apabila telah sedia untuk dinilai;
  - 2. Bekerjasama dengan PP-PPT, melengkapkan dan merekodkan setiap aktiviti dan penilaian bukti-bukti keterampilan calon yang dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian di dalam borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT;
  - 3. Menyediakan dokumen asal bukti keterampilan untuk rujukan PP-PPT bagi tujuan semakan, penilaian dan pengesahan;
  - 4. Mengaturkan sesi lawatan PP-PPT ke tempat kerja bagi tujuan pengesahan keterampilan;
  - 5. Menyedia dan melengkapkan Bahagian Maklumat Calon pada Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT untuk urusan verifikasi; dan
  - 6. Mencadangkan tempat, tarikh dan masa kepada PP-PPT bagi tujuan sesi verifikasi bersama PPL-PPT.

## b. Tanggungjawab PP-PPT

- i. Menyemak dari masa ke semasa melalui sistem atau setelah menerima pemakluman melalui emel bagi mendapatkan Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT;
- ii. Menghubungi calon bagi menentukan masa dan tempat perjumpaan;
- iii. Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi dengan calon;
- iv. Sentiasa merujuk laman web JPK untuk informasi terkini berkenaan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT;
- v. **Semasa sesi Kaunseling dan penilaian**, PP-PPT hendaklah:
  1. Menerangkan kepada calon kaedah dan proses penilaian yang terlibat dalam pembangunan portfolio, Standard yang digunakan dan penyediaan bukti-bukti keterampilan sepanjang tempoh penilaian;
  2. Membimbing calon semasa proses pemetaan di antara Standard dengan bukti-bukti keterampilan yang dimiliki oleh calon dengan menggunakan borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT – Rujuk **Lampiran 4**;
  3. Melengkapkan borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah PPT dengan menyemak dan mengesahkan semua bukti keterampilan yang dimiliki berasaskan kepada dokumen asal yang dikemukakan oleh calon;
  4. Menolak bukti sekiranya mendapati bukti yang disediakan oleh calon tidak sah atau tidak boleh percaya;
  5. Mencadangkan kepada calon untuk mendapatkan bukti-bukti tambahan bagi mana-mana bukti yang disediakan tidak mencukupi;
  6. Memastikan sesi kaunseling dan penilaian dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh JPK; dan
  7. Mengesyorkan tahap persijilan yang layak diterima oleh calon berdasarkan bukti keterampilan yang dikemukakan.
- vi. Disamping penilaian berdasarkan dokumentasi, PP-PPT hendaklah menilai keterampilan calon dengan menggunakan mana-mana kaedah penilaian seperti berikut:
  1. Demonstrasi kerja oleh calon;
  2. Lawatan di tempat kerja calon yang menunjukkan calon melaksanakan tugas; dan
  3. Melaksanakan sesi soal jawab terhadap calon.
- vii. Setelah tamat sesi kaunseling dan penilaian, PP-PPT hendaklah membuat permohonan verifikasi melalui sistem MySPIKE sebelum tamat **tempoh maksimum penilaian keterampilan**. PP-PPT

hendaklah mengemukakan permohonan verifikasi selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh verifikasi yang dicadangkan. Cadangan tarikh, masa dan lokasi verifikasi hendaklah dipersetujui bersama calon. Namun begitu JPK berhak menentukan atau meminda tarikh verifikasi yang dipohon;

- viii. Bagi permohonan verifikasi di PB-PPT, permohonan verifikasi dibuat oleh Penyelaras PB-PPT;
- ix. Memastikan calon membawa bersama dokumen asal bukti keterampilan semasa sesi verifikasi;
- x. Memastikan proses kaunseling dan penilaian dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tempoh maksimum penilaian keterampilan dan boleh dibuat berulang kali sehingga calon bersedia untuk dinilai dan disyorkan kelayakan persijilan calon; dan
- xi. Bagi pelaksanaan program DKM atau DLKM, PP-PPT hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut semasa sesi kaunseling dan penilaian, iaitu:
  - 1. Membimbing calon menyediakan Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) dengan merujuk perkara 3.4;
  - 2. Menyemak, menilai dan mengesahkan LPKT yang disediakan oleh calon;
  - 3. Menghadiri sesi verifikasi bersama PPL-PPT semasa sesi pembentangan LPKT oleh calon sekiranya diarahkan oleh JPK; dan
  - 4. Mengesyorkan tahap pensijilan yang layak dianugerahkan kepada calon menggunakan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 5**.

## BAB 4.0 : PELAKSANAAN SESI VERIFIKASI

Sesi verifikasi bertujuan untuk mengesahkan Pelaksanaan penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT terhadap calon bagi penilaian portfolio atau keterampilan calon melalui penilaian amali. Bab ini menjelaskan skop verifikasi dan peranan PPL-PPT dalam melaksanakan sesi verifikasi dan proses verifikasi bagi setiap penilaian yang berkaitan iaitu penilaian portfolio, amali, program VTO dan LPKT.

### 4.1 SKOP VERIFIKASI

- 4.1.1 Verifikasi akan dilaksanakan oleh PPL-PPT atau mana-mana individu yang berkelayakan dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;
- 4.1.2 Verifikasi portfolio secara *single tier* akan dilaksanakan pada semua tahap yang dipohon iaitu bermula pada tahap terendah hingga tertinggi. Verifikasi tidak akan dilaksanakan pada tahap yang lebih tinggi sekiranya bukti-bukti keterampilan yang dikemukakan tidak memenuhi dan menepati keperluan standard bagi tahap yang lebih rendah dalam program yang dipohon;
- 4.1.3 Verifikasi bagi permohonan modular akan dilaksanakan berdasarkan unit kompetensi (CU) yang dipohon;
- 4.1.4 Laporan verifikasi perlu dilengkapkan oleh PPL-PPT di dalam sistem MySPIKE dan dikemukakan kepada JPK dalam tempoh lima (5) hari selepas sesi verifikasi dilaksanakan. Laporan tersebut hendaklah disertakan bersama dokumen seperti yang dinyatakan pada **Jadual 12**.

Jadual 12: Dokumen bagi laporan verifikasi

Program SKM (Tahap 1-3)	Program DKM/ DLKM (Tahap 4-5)
<ul style="list-style-type: none"><li>i. Laporan verifikasi PPL-PPT (dijana daripada sistem MySPIKE) – Rujuk <b>Lampiran 9</b></li><li>ii. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk <b>Lampiran 5</b></li><li>iii. Keputusan Penilaian Amali PPT bagi calon yang dinilai secara penilaian amali – Rujuk <b>Lampiran 10</b></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Laporan verifikasi PPL-PPT (dijana daripada sistem MySPIKE) – Rujuk <b>Lampiran 9</b></li><li>ii. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk <b>Lampiran 5</b></li><li>iii. Keputusan Penilaian Amali PPT bagi calon yang dinilai secara penilaian amali – Rujuk <b>Lampiran 10</b></li><li>iv. Borang Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) – Rujuk <b>Lampiran 13</b></li><li>v. Satu (1) set dokumen LPKT calon dalam bentuk <i>softcopy</i> dan format fail PDF.</li></ul>

- 4.1.5 Kelewatan mengemukakan laporan verifikasi kepada JPK akan menyebabkan kelewatan proses persijilan calon;
- 4.1.6 Sekiranya tempoh maksimum penilaian keterampilan telah tamat dan permohonan verifikasi tidak diterima oleh JPK maka keputusan verifikasi calon adalah gagal dan bayaran permohonan tidak akan dikembalikan;
- 4.1.7 Calon boleh menyemak keputusan verifikasi secara dalam talian melalui sistem MySPIKE dari semasa ke semasa; dan
- 4.1.8 Keputusan verifikasi adalah muktamad. Sebarang pindaan keputusan tidak dibenarkan dan tiada ulangnilai dibenarkan bagi calon yang gagal. Sekiranya calon masih berminat untuk mendapatkan persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT, calon hendaklah membuat permohonan baharu beserta bayaran.

## 4.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PPL

- 4.2.1 Menyemak dari masa ke semasa melalui sistem atau setelah menerima pemakluman melalui emel bagi mendapatkan Slip Penugasan PPL-PPT seperti contoh di **Lampiran 18**;
- 4.2.2 Menghubungi calon untuk mengesahkan tarikh, masa dan tempat verifikasi serta memaklumkan kepada JPK sekiranya berlaku sebarang perubahan maklumat;
- 4.2.3 Melaporkan kepada JPK sekiranya wujud hubungan kekeluargaan dengan calon atau PP-PPT; dan
- 4.2.4 Merujuk laman web JPK untuk informasi terkini berkenaan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT.

## 4.3 VERIFIKASI PENILAIAN PORTFOLIO

- 4.3.1 Semasa sesi verifikasi, calon hendaklah memastikan perkara-perkara berikut adalah lengkap iaitu:
  - a. Portfolio yang mengandungi bukti-bukti keterampilan yang telah disemak, dinilai dan disahkan oleh PP-PPT;
  - b. Borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 4**; dan
  - c. Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 5**.
- 4.3.2 Calon hendaklah hadir dan memberi kerjasama kepada PPL-PPT sepanjang sesi verifikasi. Kegagalan menghadiri diri akan menyebabkan keputusan verifikasi calon adalah GAGAL;

- 4.3.3 Calon hendaklah membawa bersama dokumen asal sebagai bukti keterampilan ketika sesi verifikasi. Kegagalan mengemukakan dokumen asal boleh mempengaruhi keputusan verifikasi calon;
- 4.3.4 Calon hendaklah bertanggungjawab terhadap semua bukti yang dikemukakan. Sekiranya didapati terdapat pemalsuan bukti keterampilan, keputusan verifikasi calon adalah GAGAL;
- 4.3.5 **Semasa sesi verifikasi**, PPL-PPT hendaklah :
- a. Mengesahkan bukti keterampilan yang dikemukakan adalah sah, boleh dipercayai dan mencukupi serta melaksanakan sesi soal jawab kepada calon;
  - b. Disamping penilaian berdasarkan dokumentasi, PPL-PPT juga boleh menilai dan mengesahkan keterampilan calon dengan menggunakan mana-mana kaedah penilaian seperti demonstrasi kerja oleh calon dan pemerhatian di tempat kerja calon yang menunjukkan calon melaksanakan tugas;
  - c. Melengkapkan borang Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 4**, menyemak dan mengesahkan semua bukti keterampilan yang dimiliki berasaskan kepada dokumen asal yang dikemukakan oleh calon;
  - d. Membuat keputusan persijilan yang layak diterima oleh calon dengan mengambilkira syor PP-PPT dan melengkapkan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 5** serta mengemaskini keputusan verifikasi calon di dalam sistem MySPIKE; dan
  - e. Bagi verifikasi program DKM/ DLKM, terdapat elemen penilaian tambahan iaitu penilaian LPKT. Sila rujuk perkara 4.6.

#### 4.4 VERIFIKASI PENILAIAN AMALI

- 4.4.1 Kaedah pelaksanaan Penilaian Amali adalah seperti berikut:
- a. PB-PPT atau PPA-PPT hendaklah mengemukakan cadangan dua (2) set soalan penilaian amali berserta skema pemarkahan - Rujuk **Lampiran 10** selewat-lewatnya 30 hari sebelum tamat **tempoh maksimum penilaian keterampilan**. JPK akan mengambil masa selama 30 hari bagi tujuan semakan dan pengesahan soalan. Pemakluman pengesahan soalan dan senarai bahan yang perlu disediakan akan dimaklumkan oleh JPK setelah semakan dan pengesahan soalan dibuat;
  - b. PB-PPT atau PPA-PPT hendaklah mengemukakan tarikh cadangan verifikasi tidak kurang daripada 14 hari dari tarikh yang dicadangkan setelah menerima pemakluman pengesahan soalan daripada JPK;

- c. Kos bahan, peralatan atau apa-apa kos yang digunakan semasa penilaian ditanggung sepenuhnya oleh PB-PPT/PPA-PPT atau calon. Penetapan maksimum anggaran kadar bahan penilaian yang boleh dikenakan ke atas calon adalah seperti **Jadual 13**.

Jadual 13: Anggaran Kadar Bahan Penilaian (Maksimum)

Kategori Bidang	Kadar Bahan Guna Habis (Maksimum)	
	SKM 1/2/3	DKM / DLKM
A) <i>Hardskills</i>	RM 600	RM 500
B) <i>Softskills</i>	RM 400	RM 500

- d. Senarai bidang bagi kategori *hardskills* dan juga *softskills* boleh dirujuk pada **Lampiran 11**;
- e. Penilaian amali terdiri daripada dua (2) komponen penilaian iaitu:
- vi. **Penilaian Prestasi (80%)** - dinilai berdasarkan kriteria penilaian dalam **Jadual 14** berikut :

Jadual 14 : Kriteria Penilaian dan Peratusan Markah Terampil

Kriteria Penilaian	Peratusan Markah (%)
i. Perkara Kritikal*	Wajib lulus
ii. Proses Kerja	60
iii. Hasil Kerja	10
iv. Sikap/keselamatan	10
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>

*Nota: Perkara kritikal adalah Wajib Lulus untuk terampil keseluruhan penilaian*

- ii. **Penilaian Pengetahuan (20%)** - dijalankan dalam bentuk soal jawab merangkumi keseluruhan CU pada tahap yang dipohon semasa sesi penilaian amali berlangsung.
- f. Peratusan markah lulus minimum bagi keseluruhan penilaian adalah 60% berdasarkan kepada komposisi pemarkahan penilaian seperti di **Jadual 15** dan **Jadual 16**:

Jadual 15: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi SKM Tahap 1-3

Bil.	Komponen Penilaian	Peratus Setiap Komponen (%)	Peratus Lulus Minimum bagi setiap Komponen (%)
1.	Penilaian Prestasi	80	50
2.	Penilaian Pengetahuan	20	10
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>60</b>

Jadual 16: Komposisi Pemarkahan Penilaian bagi DKM atau DLKM

Bil.	Komponen Penilaian	Peratus Setiap Komponen (%)	Peratus Lulus Minimum bagi setiap Komponen (%)
<b>Peringkat I</b>			
1.	Penilaian Prestasi	80	50
2.	Penilaian Pengetahuan	20	10
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>60</b>
<b>Peringkat II</b>			
3.	Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) – merangkumi penulisan laporan, pembentangan dan sesi soal jawab	100	60
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	<b>60</b>

- g. Komponen penilaian mengikut jenis permohonan adalah seperti di dalam **Jadual 17**;

Jadual 17: Skop penilaian mengikut jenis permohonan

Komponen Penilaian	Jenis permohonan	
	Mengikut Tahap	Modular
Penilaian Prestasi	Setiap tahap yang dipohon	Setiap CU yang dipohon
Penilaian Pengetahuan (sesi soal jawab)	Setiap tahap yang dipohon	Setiap CU yang dipohon

- h. Kapasiti bilangan calon dalam penilaian amali adalah berdasarkan kepada kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh PB-PPT atau PPA-PPT. PB-PPT atau PPA-PPT hendaklah memastikan peralatan berfungsi sepenuhnya dan mencukupi; dan
- i. Bagi pemohon yang memohon lebih dari satu (1) tahap secara serentak, penilaian amali dilaksanakan secara berasingan mengikut tahap yang dipohon. Calon akan dinilai pada tahap yang terendah terlebih dahulu sebelum layak menjalani penilaian pada tahap seterusnya. Calon tidak



dibenarkan menjalani penilaian pada tahap yang lebih tinggi sekiranya gagal pada penilaian tahap yang terendah.

- j. Bagi permohonan program DKM atau DLKM, penilaian LPKT hendaklah memenuhi perkara berikut:
  - i. Calon hendaklah lulus penilaian amali terlebih dahulu bagi membolehkan calon menjalani penilaian LPKT. Keputusan verifikasi calon adalah GAGAL sekiranya gagal dalam penilaian amali.
  - ii. Sekiranya calon gagal penilaian LPKT, calon dibenarkan menduduki semula penilaian LPKT sahaja tanpa mengulangi penilaian amali dalam tempoh (1) tahun dari tarikh lulus verifikasi penilaian amali tersebut. Namun calon dikehendaki membuat permohonan semula dan mengemukakan bayaran baharu mengikut kadar fi dan caj yang sedang berkuatkuasa.

4.4.2 Tanggungjawab calon dalam sesi verifikasi Penilaian Amali adalah seperti berikut:

- a. Sebelum sesi verifikasi, calon hendaklah:
  - i. Menghubungi penyelaras PB-PPT atau PPA-PPT untuk mengesahkan tarikh verifikasi; dan
  - ii. Memastikan peralatan dan bahan penilaian termasuk bahan gunahabis dan peralatan tangan disediakan oleh PB-PPT atau PPA-PPT.
- b. Semasa sesi verifikasi, calon hendaklah:
  - i. Hadir dan memberi maklumbalas serta kerjasama kepada PPL-PPT sepanjang pelaksanaan sesi verifikasi tersebut. Kegagalan menghadirkan diri akan menyebabkan keputusan verifikasi calon adalah GAGAL; dan
  - ii. Menyedia dan melengkapkan Bahagian Maklumat Calon pada Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah PPT – Rujuk **Lampiran 5**.

4.4.3 PPL-PPT hendaklah menilai keterampilan calon dengan merujuk kriteria penilaian pada set soalan penilaian amali seperti contoh di **Lampiran 10**; dan

4.4.4 PPL-PPT hendaklah mengemaskini keputusan calon di dalam MySPIKE dan mengemukakan borang Keputusan Penilaian Amali PPT (**Lampiran 10**) dan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) - **Lampiran 5** kepada JPK untuk tujuan persijilan calon.

4.4.5 Calon layak dipersijilkan mengikut program yang dipohon sekiranya mencapai sekurang-kurangnya markah lulus minimum yang ditetapkan pada **Jadual 15** dan **Jadual 16**;

- 4.4.6 Calon tidak boleh mengulang sekiranya gagal mana-mana komposisi penilaian yang ditetapkan. Sekiranya calon masih berminat untuk mendapatkan persijilan, calon hendaklah mengemukakan permohonan baharu beserta bayaran yang baharu.

#### 4.5 VERIFIKASI PROGRAM PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (VTO)

- 4.5.1 Bagi penilaian program (VTO), calon hendaklah:
- a. Menyediakan profil kekompetenan calon - Rujuk **Lampiran 12**, yang menunjukkan bukti pengalaman mengajar latihan kemahiran dan dokumen pengesahan tempoh pengalaman berkaitan; dan
  - b. Menghadiri sesi temuduga bersama PPL-PPT secara lisan merujuk tarikh dan masa serta lokasi penilaian yang ditetapkan.
- 4.5.2 Bagi sesi verifikasi program VTO, PPL-PPT hendaklah menyemak, menilai dan mengesahkan keterampilan calon melalui sesi temuduga dan semakan dokumen profil kekompetenan calon.

#### 4.6 VERIFIKASI PENILAIAN LPKT BAGI PROGRAM DKM/ DLKM

##### 4.6.1 Pembentangan LPKT

- a. Calon hendaklah hadir dan membentangkan LPKT menggunakan perisian *Microsoft Power Point*. Slaid pembentangan hendaklah disediakan di antara 15 hingga 20 slaid;
- b. Tempoh pembentangan adalah minimum 30 minit dan sesi soal jawab selama 10 minit; dan
- c. Semasa sesi pembentangan, calon hendaklah membentangkan perkara berikut:
  - i. Pengenalan Projek / Kajian;
  - ii. Penyataan Masalah;
  - iii. Objektif Projek / Kajian;
  - iv. Skop Projek / Kajian;
  - v. Kepentingan Projek / Kajian;
  - vi. Metodologi projek / kajian termasuk tempoh pelaksanaan (Gantt Chart);
  - vii. Hasil dapatan dan analisa projek / kajian; dan
  - viii. Perbincangan, cadangan dan kesimpulan.

##### 4.6.2 Penilaian LPKT

- a. Komponen penilaian bagi pembangunan dan pembentangan LPKT terbahagi kepada tiga, iaitu:
  - i. Penulisan LPKT (70%);
  - ii. Sesi Pembentangan LPKT (15%); dan
  - iii. Sesi Soal Jawab (15%).

- b. Calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya markah minimum bagi setiap komponen yang dinilai selain terampil bagi penilaian portfolio atau penilaian amali untuk dianugerahkan DKM/ DLKM bagi program yang dipohon. Peratusan markah penilaian adalah seperti **Jadual 18**.

Jadual 18: Peratusan Markah Penilaian LPKT Mengikut Komponen Penilaian

Bil.	Komponen Penilaian	Pecahan Markah (%)	Markah Minimum (%)
1	Penulisan LPKT	70	40
2	Sesi Pembentangan LPKT	15	10
3	Sesi Soal Jawab	15	10
<b>JUMLAH (%)</b>		100	60
<b>MARKAH TERAMPIL (%)</b>			<b>60</b>

#### 4.6.3 Verifikasi LPKT

- a. PPL-PPT hendaklah menilai sesi pembentangan calon dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
- i. Melengkapkan Borang Penilaian Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT);
  - ii. Menilai draf Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) dan memastikan calon membuat pembetulan terhadap sebarang penambahbaikan yang dicadangkan sekiranya ada; dan
  - iii. Membuat keputusan persijilan yang layak diterima oleh calon dengan mengambilkira syor PP-PPT dan melengkapkan Borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 5** dan mengemaskini keputusan verifikasi calon di dalam sistem MySPIKE.
- b. Calon hendaklah menyediakan dan menyerahkan satu (1) set LPKT dalam bentuk *softcopy* yang telah dibuat pembetulan sekiranya ada kepada PPL bagi tujuan pengesahan;
- c. PPL-PPT hendaklah mengesah dan menyerahkan LPKT calon dalam bentuk *softcopy* dan format fail PDF selewat-lewatnya lima (5) hari dari tarikh verifikasi;
- d. Calon boleh menyediakan LPKT dalam bentuk jilid kulit keras untuk simpanan sendiri; dan
- e. Keputusan verifikasi calon adalah gagal sekiranya didapati calon memplagiat hasil kerja orang lain. JPK juga berhak untuk menarik balik sijil yang telah dianugerahkan.

## BAB 5.0 : PENSIJILAN

Calon akan dianugerahkan sijil yang berkaitan setelah melalui sesi verifikasi dan memenuhi syarat penganugerahan persijilan seperti yang dinyatakan di dalam bab ini.

### 5.1 SYARAT PENGANUGERAHAN PERSIJILAN

- 5.1.1 Syarat penganugerahan persijilan kepada calon adalah merujuk pada **Jadual 19**. Persijilan yang dianugerahkan adalah mengikut kategori yang telah dilaksanakan sama ada secara **Persijilan Penuh** yang terdiri daripada Mengikut Tahap atau *Single Tier* atau **Persijilan Modular** iaitu satu (1) atau gabungan beberapa unit kompetensi (CU) bagi program yang sama atau gabungan beberapa CU pada mana-mana tahap dalam kumpulan program yang sama yang membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC);

Jadual 19: Syarat Penganugerahan Persijilan

Kategori Permohonan	Program	Syarat Penganugerahan Persijilan	
		Permohonan mengikut tahap	Permohonan <i>single tier</i>
Persijilan Penuh	SKM tahap 1, 2 dan 3	Terampil semua duti / unit kompetensi pada tahap yang dipohon.	Terampil semua duti / unit kompetensi pada semua tahap persijilan.
	VTO	Lulus Penilaian secara temuduga dan semakan dokumen Profil Kekompetenan Calon.  <i>*Tiada penyata pencapaian dikeluarkan sekiranya sebahagian duti/ unit kompetensi sahaja yang terampil.</i>	Tidak berkaitan
	DKM/DLKM (termasuk program VTE/VTM)	i. Terampil semua duti/unit kompetensi pada tahap yang dipohon; dan ii. Lulus penilaian LPKT.  <i>Tiada penyata pencapaian (PC) dikeluarkan sekiranya sebahagian duti/ unit kompetensi sahaja yang terampil.</i>	i. Terampil semua duti/unit kompetensi pada semua tahap yang dipohon; dan ii. Lulus penilaian LPKT
Persijilan Modular	Program Modular	Terampil unit kompetensi (CU) yang dipohon.	Tidak berkaitan

- 5.1.2 Bagi calon yang tidak memenuhi mana-mana syarat penganugerahan persijilan seperti di **Jadual 19** atau tidak hadir semasa sesi verifikasi, maka keputusan calon adalah gagal. Tiada sebarang persijilan dikeluarkan. Sekiranya calon masih berminat untuk mendapatkan Persijilan Kemahiran Malaysia, boleh membuat permohonan semula dengan mengemukakan bayaran yang baharu;
- 5.1.3 Permohonan sijil ganti dan sijil hilang hendaklah menggunakan borang Permohonan Pengeluaran Sijil – Rujuk **Lampiran 14**. Kadar bayaran bagi permohonan sijil ganti dan sijil hilang adalah seperti berikut:
- i. Sijil Ganti - RM20
  - ii. Sijil Hilang - RM55
- 5.1.4 Keputusan persijilan boleh disemak melalui sistem MySPIKE secara dalam talian;
- 5.1.5 Slip pengesahan persijilan hanya boleh dijana melalui sistem MySPIKE atau dicetak setelah keputusan verifikasi calon disahkan oleh JPK;
- 5.1.6 Sebarang aduan dan maklumbalas berkenaan pelaksanaan penilaian dan verifikasi boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem MySPIKE; dan
- 5.1.7 Calon hendaklah mengesahkan penerimaan sijil dalam sistem MySPIKE bagi mengaktifkan rekod SKM dalam profil calon.

## 5.2 PERSIJILAN PENUH

- 5.2.1 Persijilan penuh diberi mengikut kategori yang telah dipilih oleh calon semasa pelaksanaan program sama ada **Mengikut Tahap** atau secara **Single Tier**;
- 5.2.2 Dalam pelaksanaan program mengikut tahap, persijilan akan dianugerahkan bagi setiap tahap yang layak iaitu lulus verifikasi; dan
- 5.2.3 Bagi pelaksanaan program secara *single tier*, sijil akan dianugerahkan pada tahap tertinggi yang layak dicapai oleh calon.

## 5.3 PERSIJILAN MODULAR

- 5.3.1 Bagi pelaksanaan program secara modular, sijil Penyata Pencapaian (PC) sahaja yang akan dikeluarkan mengikut CU yang layak iaitu mencapai keterampilan yang digariskan di dalam Standard;
- 5.3.2 Bagi calon yang telah terampil semua CU pada tahap program yang berkaitan, boleh membuat permohonan untuk mendapatkan sijil penuh sama ada SKM/

DKM/ DLKM tanpa dikenakan bayaran sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Memenuhi syarat umum permohonan sebagai calon PPT seperti di para 2.1.1; dan
- b. Lulus penilaian LPKT bagi program DKM/ DLKM.

5.3.3 Permohonan sijil penuh hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bersama dokumen sokongan seperti berikut:

- a. Borang Permohonan Pengeluaran Sijil yang lengkap diisi – Rujuk **Lampiran 14**;
- b. Mengemukakan Penyata Pencapaian (PC) asal bagi setiap CU program yang dipohon; dan
- c. Salinan Kad Pengenalan/ *Passport* pemohon.

## BAB 6.0 : TUNTUTAN

Di dalam Pelaksanaan Persijilan Kemahiran melalui kaedah PPT, PP-PPT dan PPL-PPT layak membuat tuntutan Perjalanan Dalam Negara (TNT), bayaran Penilaian PPT bagi PP-PPT dan bayaran Verifikasi bagi PPL-PPT untuk setiap tugas yang telah dilaksanakan dengan merujuk kepada Pekeliling dan Peraturan Perbendaharaan semasa yang sedang berkuatkuasa. PB-PPT pula layak membuat tuntutan bayaran ke atas setiap calon yang didaftarkan mengikut tahap yang dipohon.

### 6.1 TUNTUTAN PERSONEL PPT

#### 6.1.1 PP-PPT

- a. Layak mengemukakan tuntutan elaun perjalanan dan bayaran penilaian PP-PPT bagi penilaian yang dilaksanakan;
- b. Dibenarkan membuat tuntutan perjalanan termasuk makan, minum dan penginapan bagi:
  - i. Dua sesi kaunseling dan penilaian bagi penilaian portfolio;
  - ii. Dua sesi kaunseling dan penilaian bagi penilaian LPKT bagi calon DKM dan DLKM; dan
  - iii. Sesi verifikasi bersama PPL-PPT sekiranya diarahkan oleh JPK.
- c. PP-PPT hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut semasa membuat tuntutan:
  - i. Borang Tuntutan Perjalanan Dalam Negara (TNT) – Rujuk **Lampiran 15** dengan disertakan resit asal bagi setiap perbelanjaan yang dibuat;
  - ii. Borang Tuntutan Bayaran Penilaian PPT - Rujuk **Lampiran 16** beserta:
    1. Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT – Rujuk **Lampiran 6**; dan
    2. Laporan Penilaian Keterampilan Calon Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 4**; dan
  - iii. Lain-lain dokumen seperti dalam senarai semak tuntutan di laman web JPK.
- d. Tuntutan Bayaran Penilaian PPT hendaklah dikemukakan ke JPK selepas verifikasi PPL-PPT dilaksanakan sebelum 5 haribulan pada bulan berikutnya.

#### 6.1.2 PPL-PPT

- a. Layak mengemukakan tuntutan elaun perjalanan dan tuntutan verifikasi PPL-PPT bagi setiap verifikasi yang dilaksanakan;
- b. Hendaklah mengemukakan dokumen berikut semasa membuat tuntutan:

- i. Borang Tuntutan Perjalanan Dalam Negara (TNT) - Rujuk **Lampiran 15** dengan disertakan resit asal bagi setiap perbelanjaan yang dibuat;
    - ii. Tuntutan Bayaran Verifikasi PPL-PPT (**Lampiran 17**) beserta Slip penugasan PPL-PPT (**Lampiran 18**); dan
    - iii. Laporan Verifikasi PPL-PPT (**Lampiran 9**) serta lain-lain dokumen yang berkaitan.
  - c. Setiap tuntutan hendaklah dikemukakan ke JPK apabila lawatan verifikasi telah selesai dilaksanakan dan dikemukakan kepada JPK sebelum 5 haribulan bulan berikutnya.
- 6.1.3 Sekiranya dokumen tuntutan yang diterima oleh JPK tidak lengkap, permohonan tuntutan tidak akan di proses dan akan dikembalikan semula kepada personel terbabit;
- 6.1.4 Semua personel adalah diwajibkan untuk mendaftar melalui sistem eVENDOR merujuk arahan KPKK Bil 1/2020 (Arahan Kewangan); dan
- 6.1.5 Semua tuntutan sama ada TNT, bayaran penilaian PPT dan bayaran verifikasi PPL-PPT hendaklah dikemukakan kepada JPK sebelum 5 haribulan pada bulan berikutnya selepas tugas dilaksanakan.

## 6.2 TUNTUTAN PB-PPT

- 6.2.1 PB-PPT layak membuat tuntutan bayaran dan hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut semasa membuat tuntutan:
- a. Invois tuntutan – Rujuk **Lampiran 19**
  - b. Salinan Surat Kebenaran Melaksanakan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) – Rujuk **Lampiran 20**;
  - c. Salinan Slip Pendaftaran Calon PPT dan Penugasan PP-PPT – Rujuk **Lampiran 6**;
  - d. Laporan verifikasi PPL-PPT – Rujuk Lampiran 9;
  - e. Salinan penyata akaun bank PB-PPT yang mengandungi maklumat pemegang akaun dan hendaklah disahkan oleh syarikat/pusat latihan; dan
  - f. Salinan akuan pendaftaran Kementerian Kewangan - kod bidang 221110/220502.
- 6.2.2 Kelayakan tuntutan yang dibenarkan ke atas PB-PPT adalah Seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 20**.



Jadual 20: Kelayakan Tuntutan PB-PPT

Kaedah Persijilan	Tuntutan bagi setiap calon	
	SKM 1 / 2 / 3	DKM / DLKM
Mengikut Tahap (RM/tahap/calun)	RM100.00	RM150.00
<i>Single Tier</i> (RM/pemohonan/calun)	RM150.00	RM200.00
Modular		
i. Unit Kompetensi (CU) (RM/pemohonan/calun)	RM100.00	RM100.00
ii. NCS (RM/NCS/calun)	RM100.00	RM100.00

## **BAB 7.0 : PERKARA YANG DILARANG**

Personel PPT yang terdiri daripada calon, PP-PPT dan PPL-PPT merupakan pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT. Bagi mengekalkan kualiti sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT ini, personel PPT adalah dilarang melakukan perkara-perkara seperti yang dijelaskan di dalam bab ini.

### **7.1 CALON**

7.1.1 Calon adalah dilarang daripada melakukan mana-mana perkara berikut :

- a. Melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej Persijilan Kemahiran Malaysia;
- b. Tidak memberi kerjasama sepanjang tempoh penilaian dan verifikasi;
- c. Menangguhkan proses penilaian tanpa sebab munasabah;
